

# Malang



# bagi Azam

B. Harlan (M)

12 FEB 1990

Oleh MOHD RAHIME YUSOF

**PEMENANG** pingat emas Kelas Bebas Sukan SEA XV lalu, Azam Mokhtar, kecundang kepada Affendi Mahmud dari Kelantan dengan keputusan TKO pada Kejuaraan Silat Kebangsaan di Dewan 227 Petaling Jaya, malam tadi.

Azam dari Gayong Fatani terpaksa dipapah keluar akibat kecederaan di bahagian lutut kerana kesilapan melepas tendangan liar. Doktor yang merawat Azam menasihati berihat kira-kira enam minggu.

"Saya kecewa. Tetapi, saya menerima hakikat ini. Ia berlaku kerana kesilapan saya sendiri dan bukan bermakna lawan saya kuat. Saya masih berpeluang pada Kejuaraan Terbuka Malaysia bagi menebus kekalahan ini," kata Azam.

Berikutan itu, Affendi mara ke separuh akhir dan mengiringi enam lagi pesilat Kelantan yang seawalnya mara ke suku akhir.

Sementara itu, Nazrah Latif dari Selangor membuktikan kejaguan sebagai terbaik bagi Kelas A setelah menyingkirkan pemenang pingat perak Dunia, Normala Yaacob.

Ketinggian Nazrah berjaya memerangkap Normala bagi melepaskan tendangan keras. Sikap tenang dan berhati-hati terhadap ketangkasan lawan yang lebih berpengalaman memudahkannya menangkis tendangan pencabarnya itu.

Sejauh itu, empat lagi pesilat Kelantan termasuk Azam Haji Abbas (H), Wan Adnan Wan Isa (E) dan Basri Abdul Rahman (A) mara ke suku akhir. Manakala Kamaruzaman Daud (D), Daud Adli (B) dan Rohana Ismail (E) kecundang.

Lebih menarik apabila Tuan Zalani Tuan Man (B)

dari Perak dan Khairi Rahman (Gayong Malaysia) mempersembahkan kerapian silat untuk lawan masing-masing, Mohamad Jamaluddin (Selangor) dan Nazri Mukhti (Kedah).

Sementara itu, gelanggang persilatan akan berpindah ke Dewan Sivik Petaling Jaya, mulai hari ini hingga kejuaraan berakhir 15 Februari dan Raja Muda Selangor berkenan melakukan majlis perasmian kejuaraan, petang ini.

#### Keputusan:

Kelas A — Basri Abdul Rahman (Kel) mn SB Afied Buang (Mel), Yusni Arshad (Per) mn Shamsuddin Ahmad (Ked), Mohd Mazlan (Pk) mn Rusli Karim (Sab); Kelas B — Rafee Yaacob (GM) mn Zainulzaman (KL), Tuan Zalani Tuan Man (Pk) mn Jamaludin (Sel), Ahmad Wardi (Mel) mn Yusri Ahmad (Per), Apijamangin (NS) mn Mohd Khairil (Linchah); Kelas C — Abang Abidin (Sab) mn Zalkifli Ismail (Joh), Halim Hamid (GF) mn Razif (KL), Fauzi Mansor (Phg) mn Mat Yani Saad (Per).

Kelas D — Mohd Redzuan (Pk) mn Muhad Yasin (Linchah), Nazeri Shaari (NS) mn Rahmad Osman (Mel); Kelas E — Zaid Ali (Mel) mn Mohd Ali (Sel), Wan Adnan Wan Isa (Kel) mn Zani Ariffin (GF); Kelas F — Shaari Mohamad (NS) mn Abdul Malik (Pk), Hamdan Saat (Joh) mn Anuar Amri (Per).

Kelas G — Ramzi Saad (Ked) mn Azlan (KL), Latif Shaari (Per) mn Sawil Tiasin (Sab); Kelas H — Zakaria (KL) mn Nasaruddin (Ter), Azam Abbas (Kel) mn Zailey Hussin (Mel); Kelas I — Che tahir (Ter) mn Rosli (Pk), Mazlan Shaari (GF) mn Anuar Hussin (GM); Kelas Bebas — Zukhairi Lokman (NS) mn Adnan Manaf (Mel).

Wanita: Kelas A — Fara Maznan (GF) mn Rozinton (KL); Kelas B — Normala (Pk) mn Anita Rashidah (Linchah), Nor Salimah Norman (Joh) mn Tuti Samsinar (Pah); Kelas C — Norazah (KL) mn Roslimah Harun (Ked); Kelas D — Aminah Johari (GF) mn Melati Othman (Ked); Kelas E — Norhasanah Akir (Pah) mn Intan Syafinaz (GM), Zaleha Suradi (Sel) mn Zarita Razak (Ked).